


GEMPAK.

WEEKLY EDITION



NAS
MUAMMAR ZAR

PILIHAN TEPAT

NAS MUAMMAR ZAR

Filem superhero original pertama Malaysia, Keluang Man bakal menyaksikan sisi lain pelakon utamanya iaitu Nas Muammar Zar yang memegang watak Borhan.

Antara yang menjadi kekuatan naskhah ini adalah Borhan atau pun Keluang Man, di mana karakternya yang 'gila-gila', bersahaja dengan lawak bersahaja berjaya dibawa dengan baik oleh Nas.

Malah, pelakon hebat iaitu Datuk Rosyam Nor juga memuji kualiti lakonan Nas dalam naskhah superhero ikonik negara itu.

Bagaimanapun Nas tidak menafikan dia berasa gementar untuk mengetahui reaksi dan penerimaan penonton terhadap hasil lakonannya.

Lebih-lebih lagi apabila kali ini dia diberi tanggungjawab untuk membawa peranan utama dalam sebuah naskhah yang besar.

"Ini kali pertama saya memainkan watak utama. Selalunya orang lain yang ke depan tetapi kali ini saya.

"Disebabkan itu, banyak benda yang saya fikir sehingga 'overthinking' dan risau sekiranya orang tak boleh terima saya sebagai hero.

"Tetapi selepas menerima maklum balas positif, saya berasa lega. Alhamdulillah, saya rasa bersyukur apabila orang suka hasil kerja saya," ujarnya.

Filem Keluang Man merupakan terbitan Astro Shaw dengan kerjasama GSC, Idea River Run dan rakan strategik Wonda Kopi, serta produksi Pasal Productions.

Diarahkan oleh Anwari Ashraf, filem ini menampilkan barisan pelakon antaranya Nas Muammar Zar, Datuk Remy Ishak, Anwaar Beg Moghal, Datuk Rosyam Nor, Shweta Sekhon, Halim Othman, Amelia Henderson, Sham Sunder, Dennis Yin dan ramai lagi.

Nantikan tayangan filem Keluang Man di pawagam seluruh negara pada 29 Mei 2025.





Training Hard, Berikan Yang Terbaik Untuk Keluang Man

Bagi mencari kepuasan dalam lakonan, Nas juga memaklumkan dirinya tidak berlakon hanya disebabkan kerjaya semata-mata sebaliknya memilih watak yang berkualiti untuk memuaskan penonton.

Disebabkan itu, Nas sanggup melakukan sesi latihan ketat untuk memantapkan lagi lakonannya dalam filem superhero Original Pertama Malaysia, Keluang Man.

"Kami perlu belajar empat jenis seni bela diri iaitu silat, judo, jujutsu dan tinju. Semuanya digunakan.

"Satu lagi, latihan aksi lagak ngeri (stunt) supaya tak mencederakan diri sendiri. Memang latihannya keras, sebab kami berlatih tiga ke empat kali seminggu dan setiap sesi, selama tiga jam.

"Kita akan variasikan seni bela diri dalam filem ini. Jadi, kita boleh nampak kepelbagaian dalam filem ini.

"Memang sangat susah, ada hari nak pergi training pun berdebar, luka tu biasa, tapi benda tu normal, kita nak beri yang terbaik untuk untuk filem Keluang Man.

"Kita akan buat satu benda yang level up jadi penonton boleh harapkan benda yang gempaklah, Insya-Allah," katanya.



Amal Diet Ketat Demi Keluang Man

Nas memaklumkan, dirinya sanggup mengamalkan diet ketat agar dapat menyarung kostum Keluang Man.

Malah dia tidak mengambil nasi di dalam dietnya agar dapat memberi kesan lebih baik pada penampilannya.

"Sebelum ini saya makan sahaja nasi tetapi untuk Keluang Man ini, saya tidak masukkan nasi dalam rutin diet saya.

"Kerana Keluang Man memerlukan saya untuk kelihatan 'sharp' ketika memakai topeng dan kostum jadi diet saya harus diet lebih ketat.

"Pada mulanya agak sukar kerana saya seorang yang suka makan, tapi pada saya sangat berbaloi apabila hasilnya selepas memakai kostum," ujarnya.

Festival Cannes 2025: Yang Anggun, Yang Kontroversi Di Karpet Merah!

Festival Filem Cannes 2025 terus mencuri perhatian dunia, bukan sahaja kerana karya sinematik yang dipersembahkan, tetapi juga kerana penampilan fesyen yang memukau.

Rawdah Mohamed, model dan personaliti terkenal, tampil anggun dengan gaun rekaan pereka tempatan Rizman Ruzaini, yang memancarkan keanggunan dan menghormati industri fesyen Malaysia di pentas antarabangsa.

Syahrini, selebriti Indonesia, memikat perhatian di karpet merah dengan gaun couture yang mewah, selain menerima penghargaan UNESCO atas pencapaiannya dalam seni dan budaya.

Cinta Laura Kiehl juga mencuri tumpuan dengan kebaya merah rekaan Intan Avantie bertema "Biarkan Cinta Bersemi."

Aishwarya Rai Bachchan memukau dengan sari Banarasi putih rekaan Manish Malhotra, sindoor merah, dan perhiasan berlian, mengangkat budaya India dan mencetuskan spekulasi mengenai makna sindoor yang dikenakannya.


Bintang Thailand, seperti Miss Universe Thailand, Veena Praveenar, Nychaa dan Becky Armstrong, turut mencuri spotlight di karpet merah. Begitu juga wakil Korea Selatan, pelakon Kim Go-eun, Han So-hee dan Mina dari TWICE.

Namun, tidak semua berjalan lancar di Cannes, apabila pelakon China, Zhao Yingzi, dihalau dari acara karpet merah kerana busana yang dianggap terlalu mencolok dan tidak sesuai dengan kod etika acara. Kejadian ini menimbulkan perbincangan hangat mengenai batasan fesyen dan kod etika di acara berprestij ini.

Festival kali ini juga memperkenalkan kod pakaian baharu yang melarang "nudeness" dan "pakaian berlebihan" di permaidani merah untuk menjaga kesopanan dan kelancaran pergerakan tetamu.

Perubahan ini diumumkan hanya dua hari sebelum festival bermula, menyebabkan pereka dan penata gaya terpaksa membuat perubahan pantas.

Halle Berry, juri Palme d'Or, terpaksa menukar busananya yang direka oleh Gaurav Gupta, namun Heidi Klum tetap menggayakan gaun merah jambu sepanjang tiga meter train, begitu juga bintang China, Wan Qianhui, yang tampil dengan gaun besar berwarna putih. - AMRI HASSAN



Penangan Nostalgia Keluang Man, Lebih 7,000 Orang Enjoi Di Acara Fun Run Superhero Original Pertama Malaysia



Bagi menambahkan lagi filem live-action Keluang Man yang bakal ditayangkan di pawagam mulai 29 Mei ini, Astro Shaw membawakan pengalaman filem tersebut menerusi acara 'Keluang Man WONDA Fun Run'.

Acara larian superhero Original Pertama Malaysia itu menandakan kerjasama pertama Keluang Man dan Wonda Kopi bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sempena program Car Free Morning.

'Keluang Man WONDA Fun Run' yang julung kali diadakan di Kuala Lumpur bermula di Menara DBKL dengan penyertaan hampir 7000 peserta yang meliputi semua lapisan peringkat umur.

Larian sejauh 5 km bermula 6.45 pagi dengan sesi memanaskan badan dan kemudiannya berlangsung pelepasan flag-off pada jam 7.00 pagi yang disempurnakan oleh Karakter Keluang Man, Maskot BeBe dan wakil dari DBKL, YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Uniknya larian ini menyaksikan peserta tampil dengan memakai topeng Keluang Man dan mereka yang bertuah turut mendapat jersi eksklusif edisi terhad.

Larian itu turut disertai barisan pelakon seperti Nas Muammar Zar, Datuk Rosyam Nor, Shweta Sekhon, Anwaar Beg Moghal, Sham Sunder, Razzuan Rosli, penyanyi lagu tema Keluang Man, Krisya dan kumpulan S.O.G.



Pengarah: Dean Fleischer Camp

Pelakon: Chris Sanders, Maia Kealoha, Sydney Agudong, Zach Galifianakis, Billy Magnussen, Tia Carrere, Courtney B. Vance

Genre: Animasi

engisahkan seorang gadis kecil bernama Lilo Pelekai yang tinggal bersama kakaknya, Nani, di pulau Kaua'i, Hawaii. Setelah kehilangan orang tua mereka, Nani berusaha keras menjaga Lilo, namun Lilo merasa kesepian dan menginginkan seorang teman.

Suatu hari, Lilo membela seekor makhluk yang difikirkannya seekor anjing, padahal sebenarnya itu adalah Stitch, makhluk asing yang merupakan hasil eksperimen alien Jumba. Stitch awalnya hanya ingin menggunakan Lilo sebagai pelindung, namun perlahan ia belajar tentang makna keluarga dan kasih sayang dari Lilo dan Nani.



Pengarah: Masaya Fujimori

Pelakon: Minami Takayama, Mayumi Tanaka, Toshihiko Seki

Genre: Anime

Di Akademi Ninjutsu, Doi mengajar ninja muda yang dikenali sebagai Nintama. Suatu hari, Doi keluar untuk bertempur melawan seorang ninja dari klan saingan, namun dia hilang tanpa jejak.

Para Nintama, terutamanya Kirimaru yang tinggal bersamanya, bimbang akan keselamatan Doi. Pada masa yang sama, Akademi menerima berita mengejutkan bahawa pihak lawan di Kastil Dokutake mungkin sedang merancang sesuatu.



Pengarah: Usamah Zaid

Pelakon: Ida Rahayu, Noorhayati Maslini, Shafiq Isa, Azman Zulkipli

Genre: Animasi

Ali diberi tanggungjawab besar untuk mengendalikan Projek Satria, yang bertujuan melahirkan generasi baru ejen MATA dengan kemahiran dalam empat Teras MATA: Tekno, Neuro, Inviso, dan Kombat. Satria adalah sut perisai dinamik yang dapat berubah bentuk untuk membentuk senjata khas menggunakan teknologi ferrofluid, dicipta untuk mengoptimumkan keupayaan fizikal dan mental ejen. Alicia mengambil alih peranan sebagai pemakai IRIS selepas Ali, yang mungkin menguji hubungan mereka. Konflik memuncak apabila Neonimus, penggadam misteri, muncul untuk menggugat kestabilan bandar Cyberaya, dengan agenda yang kelihatan menyerang Ali secara peribadi. Untuk mengukuhkan pertahanan, MATA memperkenalkan Ketua Teras baharu. Perubahan kepimpinan ini memberi peluang kepada Neonimus untuk menyerang Cyberaya.

Amelia Henderson, Hijab Rindu, Ahmad Salam Dominasi Carta GMW Minggu Ini!

Minggu ini, Christy Ng masih mendahului carta Digital Creator Trending (Lifestyle), Gempak Most Wanted, diikuti oleh Nadiah Razman dan Fazli Halim.


Ahmad Salam mengungguli kategori Beauty & Fashion, disusuli oleh Afina Balqis dan Aeyin, sementara Honey Minta Maaf menjadi drama paling trending, diikuti oleh Keluarga Itu dan Calon Isteri Buat Suami. Di dalam dunia Hos Program Digital, Amelia Henderson mencatatkan kedudukan pertama, disusuli oleh Ubai MZ dan Kecik Khaliquekerr.

Untuk Video Muzik Trending, Hijab Rindu oleh Black Hanifah menjadi pilihan utama, diikuti oleh Kerana Ego oleh Khai Bahar. Dalam Lagu Trending, Bila Nak Kahwin? oleh Amira Othman mendahului, dengan Nurcinta oleh Amir Masdi di tempat kedua. Amira Othman juga memimpin carta Selebriti Trending, disusuli oleh Nadeera dan Shukri Yahaya.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)

1. Ahmad Salam
2. Afina Balqis
3. Aeyin
4. Raidah Nurr
5. Nigel Sparks

TOP 5 Drama Trending


1. Honey Minta Maaf
2. Keluarga Itu
3. Calon Isteri Buat Suami
4. Bidaah
5. Dia Imamku

TOP 5 Hos Program Digital Trending

1. Amelia Henderson
2. Ubai MZ
3. Kecik Khaliquekerr
4. Zarul Umbrella
5. Dina Nadzir

TOP 5 Video Muzik Trending

1. Hijab Rindu - Black Hanifah
2. Kerana Ego - Khai Bahar
3. PIPI - Fahimi Rahmat
4. Salahkah Aku? - Luqman Podolski
5. lagu lelaki gila. - Naim Daniel (ft. Azwan Ali)



Astro & beIN SPORTS Sambung Kerjasama 3 Tahun, Sediakan Akses Sukan Premium



Astro dan beIN SPORTS telah memperbaharui kerjasama strategik mereka untuk melanjutkan hak penyiaran selama tiga tahun hingga Ogos 2027. Pelanggan Astro yang melanggan Pek Sports akan terus menikmati siaran langsung dan on-demand pelbagai acara sukan antarabangsa berprestij seperti Formula 1, Liga Juara-Juara UEFA, LaLiga, dan banyak lagi melalui saluran beIN SPORTS dan aplikasi beIN SPORTS CONNECT.

Kerjasama ini mengukuhkan kedudukan Astro sebagai pusat hiburan sukan premium di Malaysia dan memperluas akses pelanggan kepada pengalaman sukan terbaik, dengan lebih banyak pilihan penstriman melalui aplikasi Astro GO dan beIN SPORTS CONNECT.

1,500 Kanak-Kanak Sertai Program Haji Kids Melaka 2025

Lebih 1,500 kanak-kanak dari usia 3 hingga 12 tahun menyertai Program Haji Kids Peringkat Negeri Melaka di Stadium Tun Fatimah.

Program simulasi ibadah haji ini dianjurkan oleh Warnakala Studios dengan kerjasama JAPERUN Duyong, Bahagian Promosi Pelancongan, dan Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, yang merasmikan acara tersebut, berharap program ini dapat diteruskan setiap tahun sebagai pendekatan pendidikan interaktif untuk generasi muda.



Malam Gala Filem Keluang Man Imbas Nostalgia



Malam gala filem Keluang Man telah pun berlangsung dengan meriah pada Khamis. Keluang Man mempersembahkan karya sinematik segar dan mengujakan, sekaligus menjadikan dia berbeza daripada superhero yang lain.

Pemilihan lagu-lagu 'throwback' menjadi salah satu elemen yang menceriakan lagi filem ini. Filem arahan Anwari Ashraf ini turut menyajikan deretan lagu ikonik era 2000an seperti 'Tragedi Oktober', 'Sha Na Na', 'Terhangat Di Pasaran' dan banyak lagi.

Hasilnya, pengalaman sinematik menjadi lebih 'hidup' dan penuh nostalgia, malah cukup kuat untuk membuatkan penonton menyanyi bersama.

Keluang Man juga menandakan permulaan bagi Astro Shaw Cinematic Universe.

Filem ini diterbitkan oleh penerbit terkemuka, Astro Shaw dengan kerjasama GSC, Idea River Run dan rakan strategik Wonda Kopi, serta produksi Pasal Productions.

Keluang Man menampilkan pelakon hebat Nas Muammar Zar, Datuk Remy Ishak, Datuk Rosyam Nor, Shweta Sekhon, Anwaar Beg Moghal, Halim Othman, Amelia Henderson, Sham Sunder, dan Dennis Yin.

D4vd Tak Sangka Lagu 'Meletup' Di Malaysia, Rancang Jelajah Dunia Selepas Album Sulung

Penyanyi dan penulis lagu alt-pop terkenal, d4vd, mengakui tidak menyangka lagu-lagunya seperti Here With Me dan Romantic Homicide mendapat sambutan luar biasa daripada peminat di Malaysia. Menerusi sesi temu bual eksklusif bersama Gempak, d4vd, atau nama sebenarnya David Burke, berkata lagu-lagu tersebut sebenarnya dicipta dalam suasana yang sangat sederhana iaitu hanya menggunakan telefon di dalam almari pakaian adiknya.

Penyanyi berusia 20 tahun itu turut berkongsi perancangan seninya selepas pelancaran album sulungnya, WITHERED baru-baru ini. Menurutnya, dia sedang merancang untuk melancarkan versi deluxe bagi album tersebut, selain bersedia memulakan jelajah berskala besar ke pelbagai negara.

"Saya baru saja lancar album sulung, jadi mungkin lepas ni saya akan keluaran versi deluxe. Lepas tu, jelajah besar-besaran - Amerika Syarikat, Eropah dan akan kembali ke Asia. Saya nak pergi ke mana-mana saja yang boleh," jelasnya.

Menariknya, d4vd turut berkongsi bahawa jika dia tidak memilih kerjaya muzik, dia mungkin akan menjadi pengaturcara komputer atau pereka permainan video.

"Kalau saya tak buat muzik, saya mungkin akan ceburi bidang pengaturcaraan. Masa sekolah dulu saya belajar macam mana nak bina komputer dan buat permainan video. Jadi mungkin saya akan jadi pereka grafik atau pereka permainan - apa-apa yang berkaitan dengan komputer," ujarnya lagi.

Sebelum ini, d4vd pernah mengadakan showcase sempena pelancaran album di Kuala Lumpur pada 13 Mei lalu.





Financial Faiz

@financialfaiz 

Duit Ketika Belajar Bukan Untuk Hari Tua

Pendidik kewangan, Faiz Azmi menekankan bahawa pelajar seharusnya menggunakan wang yang dimiliki ketika zaman pengajian untuk keperluan semasa dan bukannya memikirkan tentang simpanan untuk hari tua.

Jelas Faiz, pelajar seharusnya menikmati kehidupan sebagai pelajar tanpa terbeban dengan tekanan kewangan yang keterlaluan.

Namun, pelajar harus tahu bagaimana untuk mengimbangi agar tidak terlalu boros dalam berbelanja.



"Yang pertama, semua duit yang anda ada sekarang memang untuk anda pakai semasa belajar. Jangan fikir sangat nak simpan untuk hari tua. Itu bukan kepentingan anda sekarang

"Gunakan untuk hidup sebagai pelajar. Nikmati untuk anda keluar bersama dengan rakan-rakan atau membeli kepentingan pembelajaran. Jangan kedekut sangat waktu belajar sehingga anda tak boleh nak enjoy kehidupan sebagai pelajar. Tapi jangan pula anda boros berbelanja, benda ini kena seimbang," katanya.

Dalam pada itu, Faiz turut memberi amaran kepada pelajar agar tidak terjebak dengan pelaburan berisiko tinggi seperti skim cepat kaya, pelaburan palsu (scam) dan mata wang kripto (crypto) terutamanya apabila tiada keperluan atau ilmu yang mencukupi.

"Kalau anda ada duit lebih dan nak simpan, jangan letak dekat tempat yang berisiko tinggi. Elak pelaburan scam, crypto. Kalau anda laburkan duit anda ke tempat-tempat yang volatile, sekali nak pakai duit tak boleh sebab harga tengah jatuh," jelasnya.

Faiz mencadangkan agar pelajar yang ingin menyimpan wang agar menyalurkan simpanan mereka ke dalam instrumen yang lebih selamat dan mudah diakses seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), Tabung Haji, atau SSPN yang menawarkan pulangan sehingga 6% setahun serta membenarkan pengeluaran wang bila diperlukan.






Queen Of Pahang Wins Cooking Competition

Siti Rokiah Lebai Rahmat, a seasoned culinary judge, was stunned to discover that the winning dish in a fruit acar competition was made by none other than Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, the Queen of Pahang.

The dish, presented under the pseudonym "Aminah Mahmood," impressed the judges with its perfect balance of flavors, making it the top choice among 10 other entries.

The competition, part of the Pahang Women's Institute Carnival, was held at Taman Tasik Maran, where participants were asked to present their dishes based on taste and creativity.




Red Axia Goes Viral For Overloading

A viral video of a red Perodua Axia overloaded with goods has sparked outrage as the driver, known to run a car workshop, was seen transporting items dangerously stacked on the vehicle.

Social media users revealed that the man has a history of using customers' cars in similar reckless ways, even damaging some vehicles.

Complaints about the workshop's poor service and unsafe practices have surfaced, with many calling for authorities to intervene to ensure the safety of road users.



Man Helps Woman Followed In Mall Parking Lot

A Malaysian man, Fitri Azeez, witnessed a suspicious incident where a man appeared to be following a lone woman in a shopping mall parking lot.

Sensing danger, Fitri intervened by approaching the woman, offering to escort her to her car, and discreetly warning her of the situation.

His quick thinking and kindness were praised on social media, with many applauding his actions and urging others to remain aware of their surroundings, especially when walking alone.

Read more at www.rojakdaily.com